

MAHATHIR - BANTUAN R'R'R'R'  
(I)

DARI AHMAD REJAL ARBEE

1982

SUVA (FIJI), 5 JUN (BERNAMA)-- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN HARI INI KESEDIAAN MALAYSIA KENAWARKAN BANTUAN SETAKAT YANG IA MAMPU KEPADA NEGARA-NEGARA JIRAN DAN NEGARA DUNIA KETIGA.

BERUCAP DI UPACARA +RAKATUNULAO+, MAJLIS TRADISIONAL FIJI MENGUCAPKAN SELAMAT DATANG DI VIEUTO, KEDIAMAN RASMI PERDANA MENTERI FIJI DI SINI, BELIAU BERKATA MALAYSIA YANG MENGAMALKAN KONSEP KERJA-SAMA SEPERTI ITU DALAM RANGKA SUMBER DAN KEPAKARAN YANG IA PUNYAI.

KATANYA MALAYSIA BERHARAP DAPAT BERKONGSI DENGAN FIJI PENGALAMAN DAN KEMAHIRAN YANG DIPEROLEHINYA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA, YANG MUNGKIN SESUAI DAN DAPAT DIGUNAKAN OLEH FIJI KE ARAH KEPERLUAN DAN RANCANGAN FIJI SENDIRI.

+DALAM BEKERJASAMA DAN MEMBANTU DENGAN APA JUA CARA, BESAR ATAU KECIL, SAYA YAKIN RAKYAT MALAYSIA AKAN DIPERKAYAKAN MENERUGI PERTUKARAN SEUMPAMA ITU DENGAN RAKYAT FIJI+, KATANYA.

SEBAGAI NEGARA MEMBANGUN YANG KECIL, MALAYSIA DAN FIJI BERMINTA MENCAPAI SUSUNAN EKONOMI ANTARABANGSA YANG BARU DI MANA HUBUNGAN EKONOMI ANTARABANGSA AKAN MENJADI LEBIH SAKSAMA, TAMBAHNYA. -- BERSAMBUNG 1335/AH

MAHATHIR - BANTUAN 2 SUVA (FIJI)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA BARU SAHAJA MEMUPUKAN PERHATIAN DIPLOMATIK KEPADA RANTAU PASIFIK SELATAN DENGAN PERWAKILAN PERTAMANYA BERPEJABAT DI SINI. (PESURUHJAYA TINGGI MALAYSIA PERTAMA KE FIJI, ENCIK ABDUL KARIM MARZUKI, TELAH MENGAMBILALIH JAWATAN DI SINI MINGGU LALU.)

+ADALAH MENJADI HARAPAN TINGGI SAYA KAMI AKAN MEMPELAJARI LEBIH MENDALAM ASPIRASI, KEPENTINGAN DAN MASALAH ANDA DAN MENIKMATI HUBUNGAN DUA HALA YANG LEBIH AKTIF, + KATANYA.

TURUT HADIR DI UPACARA ITU IALAH DATIN SERI DR. SITI HASMAH, PERDANA MENTERI FIJI RATU SIR KAMISESE MARA DAN ADI LADY LALA MARA, TIMBALAN PERDANA MENTERI RATU SIR PENAI GANILAU DAN ADI LADY DAVILA GANILAU, PARA ANGGOTA ROMBONGAN MALAYSIA DAN PARA KENAMAAN FIJI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BUAT BEBERAPA LAMANYA MALAYSIA TELAH BERGANTUNG DAN MEMANDANG KEPADA NEGARA-NEGARA MAJU TERUTAMA DI BARAT UNTUK BANTUAN, BUAH FIKIRAN DAN PEMBAHARUAN.

DALAM USAHA MENCAPAI KEMAJUAN SOSIO-EKONOMI YANG LEBIH GIAT LAGI, KERAJAAN BARU-BARU INI MENETAPKAN DASAR +PANDANG KE TIMUR+ SEBAGAI MENYEIMBANGKAN UNSUR-UNSUR PENGARUH SEPERTI ITU DALAM PEMBANGUNAN NEGARA, KATANYA. --BERSAMBUNG 1355/AH

MAHATHIR-BANTUAN 3 SUVA (FIJI)

+WALAU PUN DEMIKIAN, SAYA PERCAYA MASIH BANYAK YANG KITA BOLEH RAIH DARIPADA NILAI-NILAI DAN CARA TRADISIONAL KITA SENDIRI DAN MEMPELAJARI ANTARA SATU SAMA LAIN DALAM RANTAU ASIA/PASIFIK BAGI MENJAYAKAN PROSES PEMODENAN+, JELASNYA.

+DALAM MASA YANG SINGKAT SAYA BERADA DI SINI, SAYA SUNGGUH TERTARIK HATI DENGAN CARA BERTERHADAPAN DAN PRAGMATIK YANG RAKYAT FIJI AMALKAN DALAM MENJALANKAN TUGAS-TUGAS. CARA YANG SIHAT INI AMAT DISANJUNGI DAN HARUS DICONTOKI OLEH NEGARA-NEGARA LAIN+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA FIJI DAN MALAYSIA MEMPUNYAI HUBUNG

N

**YANG ASAK LAMA YANG DIWUJUDKAN SEMASA DARURAT DI TANAH MELAYU,  
+RAKYAT MALAYSIA MEMPUNYAI HUBUNGAN MESRA DAN MUHIBBAH DENGAN RAKYAT  
FIJI+.**

RATU SIR MARA BERKATA BEWAKTU FIJI BERGERAK KE ARAH KEMERDEKAAN  
PADA PERTENGAHAN 1960AN NEGARA ITU TELAH MEMANDANG KE NEGARA-  
NEGARA SEPERTI MALAYSIA UNTUK MENIMBA PENGALAMAN.

+PENGALAMAN ANDA DALAM MEWUJUDKAN PERKONGSIAN ANTARA KAUM-  
KAUM UNTUK MENJADI PUNCA KEKUATAN DAN KEPERCAYAAN BAHAWA DASAR  
BERBILANG KAUM DENGAN PERSEFAHAMAN, TOLERANSI, HARMONI DAN  
MUHIBBAH ADALAH JALAN YANG PALING BAIK UNTUK KITA DI SEBELAH SINI,+  
KATANYA.

--BERGAMBUNG 1457/AN

MAHATHIR-BANTUAN 4 SUVA (FIJI)

KATANYA SEJARAH FIJI DAN MALAYSIA TELAH MENGASINGKAN KEDUA-DUA  
RANTAU TERSEBUT TETAPI DENGAN KUMPULAN SERANTAU KIAN MENJADI FAKTOR  
UTAMA BAGI PEMBANGUNAN NEGARA DAN ANTARABANGSA DI MASA DEPAN,  
BELIAU YAKIN HUBUNGAN ANTARA MALAYSIA DENGAN FIJI AKAN BERTAMBAH  
KUKUH.

RATU SIR MARA BERKATA MALAYSIA ADALAH RAKAN PERDAGANGAN PENTING  
BAGI FIJI, KHUSUSNYA DALAM PENJUALAN GULA.

+KAMI MENGHARGAI SOKONGAN BAGI PERUSAHAAN INI YANG MENJADI  
ASAS EKONOMI KAMI+.

BELIAU MENYEBUT PERANAN DATUK SERI DR.MAHATHIR KETIKA MENJADI  
MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TELAH MEMAINKAN PERANAN  
PENTING DALAM MENGHASILKAN KONTRAK PEMBEKALAN GULA JANGKA PANJANG  
ANTARA KEDUA-DUA NEGARA LIMA TAHUN LALU.

KEMUDIAN DALAM PERTEMUAN DENGAN KABINET FIJI, RATU SIR MARA  
BERKATA SONGGHPUN MALAYSIA TERLETAK 3,000 BATU DARI FIJI,  
NEGARA ITU MENGANGGAP RANTAU TERSEBUT SEBAGAI HUBUNGAN STRATEGIK KE  
BENUA ASIA DAN PULAU-PULAU PASIFIK.

--BERGAMBUNG 1500/AN

B553

MAHATHIR-BANTUAN 5 SUVA (FIJI)

KATANYA PENGALAMAN MALAYSIA MENJADIKAN HUTAN BELANTARA  
KEPADA TANAH-TANAH YANG PRODUKTIF AKAN MEMBERI FAEDAH KEPADA  
PULAU-PULAU PASIFIK.

SELEPAS UPACARA ITU, DATUK SERI DR.MAHATHIR DAN DATIN SERI  
DR.SITI HASMAH DIIRINGI OLEH MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
DATUK ABDULLAH AHMAD BADAWI DAN DATIN ENDON DAN PESURUHJAYA TINGGI  
DI SINI ENCIK ABDUL KARIM MARZUKI DAN ISTERINYA PUAN GRACE MARZUKI  
MENGUNJUNGI KETUA GABENOR RATU SIR GEORGE CAKABAU DAN ISTERINYA.

DATUK SERI DR.MAHATHIR PAGI JADI JUGA MENGADAKAN PERTEMUAN  
SETENGAH JAM DENGAN RATU SIR MARA. INI DIIKUTI DENGAN PERTEMUAN  
SELAMA SEJAM DENGAN KABINET FIJI.

--BERNAMA 1503/AN